

Pelajar, penganggur ditahan bersama syabu

Dapat upah RM600 seludup dadah

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL

SEPAANG – Seorang pelajar universiti dan penganggur sanggup menggadai nyawa dengan menjadi keldai dadah untuk mendapatkan wang.

Tindakan dua suspek itu bagaimanapun memakan diri apabila kedua-duanya yang berusia 19 dan 22 tahun diberkas di balai pelepasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) di sini pada 22 Julai lalu.

Kedua-dua suspek itu ditahan secara berasingan bersama 11.6 kilogram (kg) dadah disyaki syabu bernilai kira-kira RM440,000.

Ketua Polis Daerah KLIA, Asisten Komisioner Zulkifli Adamsah berkata, pihaknya percaya dadah tersebut hendak diseludup ke Sarawak.

“Suspek pertama ditahan pada pukul 3.45 petang (22 Julai). Pemeriksaan bagasi suspek membawa kepada penemuan lima bungkusan teh cina berisi 5.29 kg syabu bernilai RM200,000.

“Tangkapan kedua pula dilakukan di pintu pelepasan domestik KLIA2 kira-kira setengah jam kemudian,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Zulkifli, bersama lelaki kedua itu pihaknya me-

rampas enam bungkusan teh cina disyaki berisi syabu seberat 6.341 kg bernilai RM240,000.

Kedua-dua lelaki itu dipercayai diupah sindiket pengedaran dadah yang sama.

“Suspek dipercayai menjadi keldai dadah kerana terdesak untuk mendapatkan wang. Dadah itu dipercayai untuk edaran di sekitar Sarawak,” katanya.

Suspek dipercayai menerima upah RM600 bagi sekilogram dadah yang diseludup keluar.

Kedua-dua suspek ditahan reman hingga 29 Julai ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati.



ZULKIFLI (dua dari kanan) menunjukkan sebahagian bungkusan dadah yang dirampas di KLIA2 di Bangunan AMC, KLIA, Sepang semalam. – FAISOL MUSTAFA